

FTA: Tolak kesan negatif

U m m/s ii 7.3.07

Oleh REEZAL MERICAN
NAINA MERICAN

SECARA jujurnya, tidak ramai generasi muda yang perasan dan mahu membicarakan soal FTA antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Mungkin kerana tajuknya yang terlalu tinggi dan tidak sangat mampu menarik perhatian mereka. Namun penulis berasa sedikit kagum dan lega-dek kerana kenyataan bersifat 'peribadi' seorang ahli Kongres Amerika, Tom Lantos - beberapa rakan rapat penulis mula menunjukkan minat terhadap isu FTA.

Minat mereka timbul kerana ini melibatkan isu kedaulatan dan maruah negara. "Siapa depa nak tentukan dengan siapa patut kita berkawan?," tanya seorang rakan penulis baru-baru ini. Dari satu segi, ada juga impak positif kenyataan celupar Lantos untuk memungkinkankan anak muda Malaysia menyatakan pandangan mereka tentang isu yang agak melangit tingginya ini.

Semangannya FTA tidak patut dibicarakan dalam suasana dan kerangka yang terlalu 'politikal' sifatnya. FTA mesti dan harus mempertahankan kemahuan asasnya untuk melihat kerjasama ekonomi dua negara atau lebih dapat dijayakan secara 'menang - menang'. Sebolehnya kita tidak mahu FTA mencapai keputusan yang berat sebelah, apatah lagi memberikan beban kepada generasi muda Malaysia yang bakal mewarisi hidup mati negara bertuah Malaysia ini.

Kenyataan celupar Tom Lantos setidaknya mampu menaikkan minat generasi muda membicarakan isu FTA secara yang lebih terperinci. Kita juga percaya, sebagai sebuah kerajaan yang diberikan mandat besar oleh rakyat, kalangan perunding dari Malaysia akan mengambil kira 'asas iklim ekonomi dan politik Malaysia' sebelum sebarang persetujuan dan tandatangan diturunkan.

Dalam konteks politik Amerika, FTA hanya boleh dilaksanakan pakai apabila mendapat perkenan Kongres. Justeru, kenyata-



PARA penunjuk perasaan berhimpun di hadapan kain rentang membantah rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Korea Selatan dan Amerika Syarikat di Seoul baru-baru ini.

- Reuters

FTA kepada Malaysia sudah pastilah lebih daripada akses kepada pasaran Amerika Syarikat yang mencecah trilion ringgit. Ia pasti merangkumi persoalan sama ada kita sudah bersedia untuk bersaing di medan yang berbeza

peribadi Lantos untuk menggesa kerajaan Amerika menghentikan rundingan, hanya kerana wujudnya hubungan niaga antara Malaysia dan Iran adalah pandangan yang terpencil dan tidak terlalu perlu diberikan perhatian. Sesuai dengan maksud itu, penulis telah pun menulis surat kepada Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, atas kapasiti Pengerusi Biro Ekonomi, Pemuda UMNO Malaysia, bagi memperoleh kepastian bahawa kenyataan Lantos tidak membayangkan kenyataan rasmi Amerika. Kita tidak mahu isu politik digunakan sebagai 'sandaran' kepada kejayaan rundingan FTA.

Lupakanlah keceluparan Lantos, namun fokus mesti kita juruskan kepada kemampuan FTA membugar ekonomi negara dalam jangka masa panjang. Kemampuan kita mencapai takat dagangan yang mencecah 1 trilion baru-baru ini memberikan bayangan bahawa Malaysia berada di landasan yang tepat dan betul. FTA seharusnya mampu memperkasa lagi ekonomi Malaysia dalam persaingan globalisasi ketika ini.

Kepada Amerika, termeterainya FTA dengan Malaysia adalah suatu usaha yang strategik. Malaysia adalah rakan dagang Amerika kelima terbesar di Asia selepas China, Jepun, Korea dan Taiwan. Dagangan kedua-dua negara mencecah AS\$44 bilion. Dalam sebuah laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Dagangan Amerika Syarikat, telah pun dibayangkan bagaimana kalangan pengeksport pertanian Amerika akan mendapat limpahan keuntungan daripada FTA Amerika - Malaysia.

Dengan termeterainya FTA juga, menurut laporan tersebut akan membuka ruang kepada kalangan pembekal barangan berteknologi tinggi, komputer, telekomunikasi, khidmat kewangan, sumber kuasa dan perubahan Amerika Syarikat untuk menjenjang masuk ke pasaran Malaysia yang mempunyai pendapatan per kapita ketiga tertinggi di ASEAN.

Banyak pihak optimis bahawa perjanjian FTA Amerika - Malaysia ini akan memberikan banyak kesan positif kepada hubungan dagang antara kedua-dua negara. Dalam apa jua situasi dan keadaan, sudah barang tentu ada kesan positif dan negatif. Demikian juga yang diharapkan oleh majoriti kalangan generasi muda, bahawa FTA tidak akan membawa kesan yang negatif dalam jangka masa panjang.

Malaysia pada hakikatnya tidak mampu untuk memencilkan diri dan tidak berada seiring dengan segala macam perkemba-

ngan ekonomi dunia pada ketika ini. Memilih untuk tidak memulakan siri diskusi bagi membina jambatan hubungan dagang sekukuh FTA akan pula membenarkan negara lain mendahului kita dalam banyak perkara. Barang diingat bahawa Singapura telah pun menandatangani FTA dengan Amerika bermula Januari, 2004. Sementara Thailand masih lagi seiring dengan Malaysia - dalam peringkat dan tahap rundingan.

Mungkin Singapura bukanlah suatu perbandingan yang adil dengan Malaysia kerana 'asas ekonomi' antara kita adalah berbeza. Tetapi Thailand mungkin adalah kes yang lebih hampir dengan Malaysia. Tanpa mempunyai sebarang maklumat terperinci berkenaan rundingan FTA, kegagalan pertemuan dan rundingan di Karambunai, Sabah - membayangkan bahawa banyak faktor dan angkubah 'ekonomi dan politik tempatan' yang perlu diambil kira sebelum FTA dimeterai dengan jayanya.

Dagang

Hubungan dagang Amerika dan Malaysia bagaikan berlangsung dalam 'terusan ekonomi' yang tersendiri. Walaupun dalam beberapa kes, kita agak kritikal dengan tindakan kerajaan Amerika Syarikat, khususnya dalam isu melibatkan Palestin dan Iraq - ia tidak pernah menghambat kemungkinan kerjasama ekonomi dijayakan secara terus-menerus. Kita biasa dengan nama-nama syarikat Amerika seperti General Electric, Intel, Motorola, AIG, Cargill, Citigroup, Discovery Communications, FedEx dan Oracle yang telah pun menjadikan Malaysia sebagai hab mereka di rantau ini.

Ini sekali gus memberikan makna bahawa 'minda ekonomi' dan 'minda politik' tidak semestinya berada seiring pada setiap masa. Dalam banyak kes, perkiraan untung rugi akan menjadi lebih relevan dan penting kepada kalangan syarikat dan konglomerat - berbanding dengan soal 'dasar luar' sesebuah negara. Demikian juga kalangan pembuat keputusan di Amerika Syarikat dapat menerima hakikat penglibatan syarikat Malaysia, SKS di Iran adalah bersifat ekonomi dan bukannya politik.

Kepada generasi muda Malaysia secara amnya, FTA mestilah mampu terus membugar ekonomi Malaysia di masa akan datang. Dengan segala petunjuk ekonomi yang 'real' dan bukan boleh dibuat-buat,

mengibadikan anak muda pastinya mahu merasa segala nikmat daripada usaha pengurusan ekonomi yang mula menunjukkan kesan positif.

Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebuah agenda besar yang mampu menjadi platform kepada penjana ekonomi Malaysia yang lebih terkehadapan dan berbanding jauh. Kita tidak boleh lagi terus-terusan membina ekonomi dengan kekuatan 'lama' yang tidak disegarkan dengan perkembangan semasa dan terkini. Industri pembuatan misalnya, menghadapi persaingan amat getir daripada beberapa negara lain yang baru memulakan rentak yang sama, dengan tawaran dan insentif yang tidak mampu kita tawarkan sekarang.

Keinginan kita untuk membina kekuatan ekonomi negara dalam 'rantai ekonomi' yang bernilai tinggi' hanya boleh dijana dengan terbinanya reservoir kumpulan anak muda yang berkemahiran tinggi dan berminda kreatif. Masanya sudah tiba untuk kita keluar sebagai pemain global sebenar - daripada terus dikongkong dengan minda 'jaguh kampung'.

Dalam ruang perbahasan yang lebih luas, keyakinan Kerajaan Malaysia untuk memulakan siri rundingan FTA seakan membayangkan bahawa kita sedang berada dalam landasan ekonomi dan pembangunan modal insan yang tepat. Kesediaan ini seharusnya memberikan kita yakin diri bahawa anak muda Malaysia sudah mampu menjengah ke pasaran dunia yang lebih besar.

Mengambil bioteknologi sebagai contoh, kesungguhan Malaysia dalam membina kekuatan berasaskan acuan sendiri dalam bidang bioteknologi akan banyak mendapat manfaat daripada pelaksanaan FTA yang jujur dan bersungguh. Amerika Syarikat sememangnya antara jagoan dunia dalam bidang bioteknologi ini - dan adalah sesuatu yang tidak terlalu idealistik untuk melihat kerjasama positif dalam bidang yang disifatkan sebagai 'enjin ekonomi baru' yang mampu mencatatkan keuntungan lebih AS\$60 bilion berdasarkan laporan *Beyond Borders: Global Biotechnology Report 2006*.

Kita tidak meniadakan kemungkinan wujudnya 'jurang' antara kemungkinan kerjasama baik yang terbina pasca-FTA dan implementasinya - namun ia tidak sewajarnya membataskan pembicaraan kita tentang kemungkinan wujudnya ruang positif yang boleh Malaysia usahakan.

Sememangnya ada isu-isu 'sensitif' yang

memungkinkan rundingan di Karambunai masih lagi belum mampu mencapai perkembangan yang diharapkan. Sewajarnya, kita tidak terburu-buru dengan jangka masa yang terlalu mendesak untuk kita menandatangani dokumen yang demikian penting kepada negara kita. Isu-isu seperti tenaga buruh, liberalisasi dalam kaedah pembelian dan penganugerahan kontrak kerajaan mesti dinilai secara yang terperinci.

Merangkumi

FTA kepada Malaysia sudah pastilah lebih daripada akses kepada pasaran Amerika Syarikat yang mencecah trilion ringgit. Ia pasti merangkumi persoalan sama ada kita sudah bersedia untuk bersaing di medan yang berbeza. Persoalan yang tidak juga wajar dikesampingkan adalah bagaimana FTA mampu membuka lebih banyak 'peluang baru' yang mampu dijana oleh generasi muda bangsa Malaysia seluruhnya.

Kita biasa mendengar bahawa adanya syarikat-syarikat Malaysia yang mampu menyeberang sempadan, menduga lautan persaingan ganas di negara luar. Kepada kita, ini semua petunjuk bahawa kita sudah mula mampu menjengah ke medan persaingan yang lebih besar.

Adalah menjadi harapan generasi muda Malaysia agar rundingan FTA akan mampu memberikan situasi dan keadaan 'menang-menang' kepada kedua-dua negara. Bukan mudah untuk berdiskusi dalam keadaan banyak 'angkubah ekonomi dan politik domestik' yang perlu diambil kira. Namun begitu, ia tidak boleh sesekali menghindarkan kita daripada terus mencari kaedah, membuka langkah, mengenalpasti daerah pembangunan ekonomi baru untuk negara bertuah ini.

Yang pasti, kenyataan Tom Lantos telah mampu mencelikkan lagi minda dan perasaan anak muda Malaysia tentang kemajuan diskusi dan rundingan FTA. Sensitiviti anak muda Malaysia berkenaan FTA sememangnya berasas - kerana hasil rundingan inilah yang akan membayangkan wajah persaingan ekonomi yang terpaksa diharungi dalam masa terdekat ini.

□ REEZAL MERICAN
NAINA MERICAN
Pengerusi Biro Ekonomi
Pemuda UMNO Malaysia.